Selepas Interview Apa Pula?????

3 Benda Penting Yang Anda Perlu Buat Selepas Temuduga

OK, so sekarang anda sudah pun habis siap interview.

Katakan lah baru 1 jam yang lepas kan.

Jadi lepas ni apa nak buat?

Saya ada 3 benda penting untuk anda boleh lakukan..

Yang Pertama

Tak ramai yang buat ni, tapi ada eloknya kalau anda email si orang yang interview anda, bagi tahu appreciation sikit.

Contoh ayat yang biasa saya buat macam di bawah ni.

“ Hi Name (pastikan anda catit nama dia),

Thanks with our previous interview. Well, among most of time, I believe yesterday was great interview. Thanks for your time “

Kiranya, nak bagi tahu appreciatition kita lah.

Tapi tak semestinya saya tujuan saya tulis hantar email pada diorang ni balik sebab nak cakap macam tu.

Kadang kadang untuk cover balik apa yang silap. Biasa lah interview, mesti rasa gabra. Bila gabra mula lah ayat yang plan nak cakap pun mula lah jadi huru hara

Contoh macam kesilapan saya interview dengan TnB, memang

banyak silap.

Saya ada buat satu post article tentang kesilapan saya tu di sini, kesilapan interview saya dengan TnB. Harap adek adek baca dan jadikan pedoman juga ya.

So, untuk kes macam saya dengan TnB tu memang saya akan email dan bagi tahu ayat tambahan untuk tambah tambah balik mana perkara yang saya tak mention masa sesi interview, saya cakap kat email.

Tapi tu lah, anda mesti ingat nama si orang yang interview tu. So, senang nak follow up nanti.

Saya ada mention perkara ni dalam perkara penting yang mesti anda buat sebelum interview.

Ok, so itu dia. No 1, anda mesti email bagi tahu pada si interview tu yang anda ni rasa terima kasih sangat sebab di beri peluang.

Kalau nak saya brainstorm lagi atau bagi sahaja ayat penuh macam mana saya karang ayatnya, sila tinggalkan komen ya.

Sekarang saya nak pergi point no 2 pula.

Dan point no 2 ialah – buat tak reti sahaja.

Atau dalam erti kata lain. Tunggu dengan penuh sabar

Kalau tak dapat anda buat kerja macam biasa dan usaha untuk cari kerja lain, kalau dapat alhamdullilah. Dalam erti kata lain lagi. Yang pergi interview bukan anda sorang. Maka tak semestinya anda akan dapat. Mana tahu Allah tu masih lagi simpan rezeki anda untuk kilang yang lain pula.

Tapi tak bermaksud kita perlu redho sahaja. So itu sebab saya buat point no 3.

3 – Yang terakhir – Jangan lupa follow up

Kalau dah lepas 2 minggu atau 1 minggu senyap. Kalau saya sendiri lepas 2 minggu, kilang tu buat tak reti sahaja. Saya memang akan call dan bertanya khabar berita apa resultnya.

So, anda jangan malu malu nak call dan tanya status application anda. Dan jangan tangguh tangguh.

Kalau saya sendiri kan, saya suka call guna nada yang macam bersedia untuk pergi interview.

Maksud saya macam ni.

Bagi saya lah, sebab salah tau kalau kita call company dan cakap macam bawah ni:

> *"Hello, hari tu saya ada apply kat jobstreet tentang jawatan kosong yang company you baru buka, so macam mana ya?,"*

Hah biasa kita akan guna ayat macam tu, adek saya sendiri kalau dia bercakap call company tu balik, dia akan gunakan ayat yang macam atas tu.

Bagi saya, ayat tu salah. Bukan lah salah yang exactly salah, tapi ada eloknya kalau anda cuba kawal si orang yang bercakap tu.

Dan berikut merupakan idea ayat yang memang biasa saya cakap masa mula mula kelam kabut cari kerja dulu.

> *"Hello, hari tu saya sudah apply you punya kerja dekat jobstreet, so bila saya boleh datang interview?"*

Kalau anda perasan, saya cuba kawal dia, dan pernah pengalaman saya si orang yang kita call tu, biasanya bahagian HR dia akan terus deal time untuk saya datang interview.

Mungkin style ni sesuai untuk anda yang tak rasa janggal

sangat pergi interview kot. Saya ada buat post tips untuk siapa yang masih lagi takut takut nak pergi interview disana kalau anda miss.

Baik lah, saya rasa itu sahaja kot.

Apa pandangan adek adek?